



**MAJLIS PENYAMPAIAN ZAKAT DAN DIVIDEN PESERTA
PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN RISDA
NEGERI PERLIS**

UCAPAN ALUAN

**TN. HJ. OMAR BIN PAIMIN,
PENGARAH BAHAGIAN PENGEMBANGAN & KESEJAHTERAAN RAKYAT
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN RESIDENSI, JALAN KOLAM,
KANGAR, PERLIS
19 SEPTEMBER 2008
5.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik
Pengerusi RISDA

Yang Berhormat Tuan Ahmad Bakri bin Dato' Ali,
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesihatan dan
Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Negeri Perlis

Yang Dihormati En. Mohd. Radzuan bin Mohd. Diah
Pengaroh RISDA Negeri Perlis

Dif-Dif jemputan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1. PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk menjayakan Majlis Penyampaian Zakat dan Dividen Peserta Program Pembasmian Kemiskinan RISDA Negeri Perlis. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Bagi pihak

3

pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Pengerusi RISDA melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Tan Sri meluangkan masa untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Saya percaya dengan keprihatinan dan sokongan penuh Y.Bhg. Tan Sri, RISDA akan terus menjadi Peneraju Kemajuan Pekebun Kecil dengan meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran kita iaitu pekebun-pekebun kecil .

4

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan Ahmad Bakri bin Dato' Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesihatan dan Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Negeri Perlis. Tidak lupa juga kepada semua peserta Program Pembasmian Kemiskinan serta pekebun kecil dari seluruh Negeri Perlis ke majlis yang diatitkan khas untuk Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

3.0 TUJUAN MAJLIS

Tujuan RISDA mengadakan Majlis ini pada hari ini adalah untuk menyampaikan Dividen kepada peserta-peserta Program

5

Pembasmian Kemiskinan iaitu peserta-peserta Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Juga penyampaian zakat Anak Syarikat RISDA kepada fakir miskin di kalangan pekebun kecil Negeri Perlis.

PENUTUP

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Pengerusi RISDA pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yg. Bhg. Tan Sri atas kesudian untuk

6

menghadiri Majlis pada hari ini. Juga kepada Yang Berhormat Tuan Ahmad Bakri bin Dato' Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesihatan dan Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Negeri Perlis, para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En. Mohd. Radzuan bin Mohd. Diah, Pengarah RISDA Negeri Perlis serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

7

Akhir sekali saya berdoa semoga Allah S.W.T. akan memberikan taufik dan hidayahNya kepada kita sekalian dalam segala usaha yang kita laksanakan dan peroleh hidayat dunia dan akhirat.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

8